

KERIS DALAM PENGUBATAN TRADISIONAL MELAYU DARI PERSPEKTIF ISLAM SEBAGAI SUATU KAJIAN KES DI KELANTAN

KRIS IN TRADITIONAL MEDICATION OF MALAY FROM ISLAMIC PERSPECTIVE AS A CASE STUDY IN KELANTAN

Azlina Musa¹

¹ Universiti Malaysia Terengganu, E-mel: azlinamusa@umt.edu.my

Accepted date: 16-01-2018

Published date: 12-12-2018

To cite this document: Musa, A. (2018). Keris dalam Pengubatan Tradisional Melayu dari Perspektif Islam Sebagai Suatu Kajian Kes di Kelantan. *Journal of Islamic, Economics and Development*, 3 (14), 12-26.

Abstrak: Makalah ini akan membincangkan tentang keris dalam pengubatan tradisional Melayu dari perspektif Islam sebagai suatu kajian kes di Kelantan. Makalah ini akan meneliti keris dijadikan sebagai alat pembantu ritual kepada bomoh, dukun atau pawang dalam pengubatan tradisional Melayu. Makalah ini turut meneliti sejauhmanakah keberkesanan keris sebagai salah satu usaha untuk bomoh, dukun atau pawang menyeru, memanggil dan memuja kuasa luar biasa turut serta dalam upacara yang diadakan dengan meneliti dari kaca mata Islam. Makalah ini akan meninjau persepsi Islam tentang peralatan yang digunakan oleh pengamal semasa ritual pengubatan tradisional Melayu. Disamping itu, makalah ini turut meneliti sejauhmanakah masyarakat Melayu di sekitarnya percaya bahawa keris yang diperasapkan dengan pembakaran asap kemenyan dan diiringi bacaan doa oleh bomoh, dukun atau pawang berkeupayaan untuk mengusir makhluk halus jahat daripada mengganggu keadaan tubuh pesakit dan membantu memulih serta menyembuhkan keadaan penyakit gangguan makhluk halus jahat dalam ritual tertentu. Ini kerana, kebanyakan pesakit yang mendapatkan rawatan pengubatan tradisional Melayu sembuh penyakit gangguan makhluk halus yang ditanggung oleh mereka. Makalah ini turut meninjau penggunaan keris dalam rawatan penyembuhan penyakit dari pandangan agama Islam. Justeru itu, makalah ini adalah diperolehi berdasarkan kajian lapangan iaitu pemerhatian, temu bual bersama pengamal pengubatan tradisional dan dilengkapi lagi dengan kajian kepustakaan. Oleh itu, pendokumentasian semula pengkajian ini dapat menambahkan lagi sumber khazanah ilmiah untuk rujukan generasi akan datang.

Kata Kunci: Keris, Perspektif Islam, Ritual, Keberkesanan, Kepercayaan

Abstract: This paper will discuss the kris in traditional Malay medicine from the perspective of Islam as a case study in Kelantan. This paper will examine the kris as a ritual auxiliary tool for bomoh, shamans or handlers in traditional Malay medicine. This paper also examines the extent of the effectiveness of kris as one of the efforts of the bomoh, shamans or

callers to call, summon and admire extraordinary powers to participate in ceremonies held by researching from the Islamic eyewear. This paper will examine the Islamic perception of the tools used by practitioners during the traditional Malay medicine rituals. In addition, this paper also examines the extent to which the surrounding Malay community believes that kris is fused with burning of incense and accompanied spells by a bomoh, shamans or handlers capable of expelling evil creatures from disrupting the condition of the patient's body and helping restore and cure the disorder evil spirits in certain rituals. This is because, most of the patients who get traditional Malay treatment of medicine recover their delusional disease. This paper also reviews the use of kris in the treatment of healing of the disease from the view of Islam. Hence, this paper is based on field studies, observations, interviews with traditional practitioners and complementary literature studies. Therefore, the documentation of the study can add to the source of scientific treasures for future generations references.

Keywords: *Kris, Islamic Perspective, Ritual, Effectiveness, Trust*

Pengenalan

Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai khazanah budaya warisan nenek moyang. Masyarakat Melayu Kelantan-Pattani masih lagi menebal dengan kepercayaan animisme, Hindu, Buddha dan Islam yang diwarisi secara turun temurun. Salah satu daripada kepercayaan yang masih lagi subur dalam sanubari masyarakat Melayu Kelantan semenjak zaman dulu dan kini ialah keuzuran penyakit berpunca daripada seseorang itu menerima gangguan makhluk halus yang bersifat jahat seperti hantu, jembalang, iblis, syaitan yang meresap masuk dalam tubuh badan pesakit.

Maka disinilah munculnya, bomoh, dukun atau pawang yang memikul tanggungjawab sebagai tabib kampung dalam institusi kemasyarakatan. Selain itu, terdapatnya bomoh, dukun atau pawang yang menggunakan keris sebagai alat pembantu ritual dalam rawatan pengubatan tradisional Melayu. Manakala Shahrum Yub (1967) yang menyatakan, keris ialah sejenis senjata pendek kebangsaan Melayu turun temurun yang telah digunakan oleh masyarakat Melayu sejak lebih daripada enam ratus tahun yang lalu yang menjadi lambang kemegahan bangsa dan negara. Manakala dalam kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan, setiap rumah dikatakan akan menyimpan senjata keris untuk kegunaan harian atau pun koleksi peribadi.

Seterusnya bomoh yang menggunakan keris berkeupayaan untuk berhubung terus dengan roh di alam ghaib pada tingkat tinggi dalam istiadat ritual tertentu. Selain itu, bomoh berkenaan berkeupayaan menghalau makhluk halus jahat daripada mengganggu tubuh badan pesakit dan menyembuhkan keadaan pesakit teruk supaya kembali sembuh dan sihat dari gangguan penyakit dalam ritual yang diadakan oleh bomoh dalam pengubatan tradisional Melayu.

Selain itu, perspektif Islam tentang keberkesanan rawatan menggunakan keris oleh dukun, pawang atau bomoh dalam menghalau penyakit gangguan makhluk halus jahat seperti sihir, terkena buatan orang, terkena rasukan hantu raya, pelesit dalam pengubatan tradisional Melayu. Menurut Wan Abdul Kadir (1993) orang Melayu telah lama menganut agama Islam dan proses menerima Islam yang berlaku secara berterusan iaitu orang Melayu terus memperbaiki dan juga memperdalami Islam untuk kepentingan hidup orang Melayu.

Rawatan Menggunakan Keris dalam Pengubatan Tradisional Melayu dari Perspektif Islam Masyarakat di Kelantan semenjak dulu dan kini masih lagi mendapatkan rawatan penyembuhan penyakit atau pun menyelesaikan permasalahan hidup yang ditanggung oleh diri, harta benda atau pun keluarga mereka dengan menemui perawat tradisional yang amalannya adalah berdamping dengan alam ghaib iaitu bomoh, dukun, pawang, tabib, mak bidan sedangkan agama Islam tidak pernah menuntut setiap umatnya didunia untuk berbuat sedemikian.

Hal ini kerana, kepercayaan lama di kalangan orang Melayu terhadap perawat tradisional iaitu bomoh, dukun, tabib atau pawang adalah agak sukar dikikis sebaliknya, perawat tradisional semenjak zaman datuk nenek moyang dulu dan kini dilihat semakin mendapat perhatian yang tinggi serta mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan masyarakat tanpa mengira kaum, pendidikan, jantina, pekerjaan, darjat mahu pun kediaman pesakit sama ada orang kampung mahu pun bandar adalah dipercayai sanggup datang untuk menemui perawat tradisional di kampung semata-mata untuk berubat penyakit atau pun menunaikan hajat dalam upacara yang diadakan.

Amran Kasimin (1989) menyatakan, agama Islam yang dianut oleh orang Melayu pada hakikatnya adalah tidak dapat membendung semua amalan karut, bidaah atau pun khurafat dalam pengubatan tradisional Melayu yang diamalkan oleh orang Melayu semenjak dulu dan kini. Hal ini adalah biar pun Islam telah dianut oleh sejumlah besar penduduk tempatan namun iman yang dimiliki oleh mereka tidak dipergunakan dalam usaha untuk membanteras amalan budaya atau pun cara hidup warisan lama yang dianggap adalah bertentangan dengan agama Islam. Selain itu, orang Melayu beranggapan bahawa setiap amalan bomoh, dukun atau pawang dalam pengubatan tradisional Melayu yang melibatkan amalan sihir atau pun berdamping dengan makhluk ghaib adalah merupakan perkara biasa yang diamalkan semenjak datuk nenek moyang mereka. Hal ini kerana, mereka telah dianggap sudah terbiasa dengan rawatan tradisional tersebut.

Selain itu, orang Melayu Kelantan beranggapan bahawa perbuatan mereka yang mendapatkan perkhidmatan daripada bomoh dalam pengubatan tradisional Melayu adalah bukanlah sesuatu yang baru untuk mereka. Hal ini adalah kerana ia telah pun wujud diamalkan semenjak zaman datuk nenek moyang mereka sejak dulu kala lagi. Orang Melayu Kelantan juga sedar tentang hukum hakam dalam agama Islam, akan tetapi mereka masih menerima rawatan pengubatan tradisional Melayu dalam kehidupan seharian. Hal ini adalah kerana lahirnya tanggapan di kalangan pesakit Melayu apabila mereka mendapatkan rawatan pengubatan tradisional daripada bomoh. Justeru itu, kebiasaannya mereka beranggapan bahawa Allah S.W.T akan menerima segala jenis manusia termasuklah juga mereka yang telah pernah berbuat dosa. Jadi sama ada amalan mendapatkan rawatan pengubatan tradisional Melayu adalah dianggap baik atau pun tidak baik oleh ahli ulamak Islam adalah terpulanglah kepada pertimbangan Allah S.W.T.

Selain itu, bagi bomoh dalam pengubatan tradisional Melayu beranggapan bahawa segala amalan memberi rawatan penyakit dalam pengubatan tradisional atau pun amalan sihir mereka yang berdampingan dengan makhluk ghaib bukanlah digunakan untuk tujuan kejahatan mahu pun pada sembarangan tujuan keburukan. Sebaliknya, bomoh yang menggunakan ilmu pengubatan tradisional Melayu adalah untuk membantu memberi pertolongan mengubati orang lain supaya disembuhkan penyakit gangguan makhluk halus jahat seperti sihir, terkena buatan orang dan supaya pesakit sentiasa dalam keadaan sihat. Hal ini adalah didorong oleh bomoh yang menggunakan keris dalam rawatan pengubatan

tradisional Melayu setelah mereka mendapati adalah ramai pesakit yang datang berubat dengan bomoh akhirnya beroleh kesembuhan penyakit, sihat dan tidak lagi diganggu oleh makhluk halus jahat. Hal ini telah menyakinkan bomoh yang menggunakan keris dalam rawatan pengubatan tradisional Melayu untuk meneruskan kesinambungan mewarisi saka pengubatan tradisional Melayu kepada keturunan anak, cucu dan cicit mereka supaya dapat digunakan ilmu pengubatan berkenaan untuk menolong orang lain yang menghadapi kesusahan penyakit yang disebabkan gangguan makhluk ghaib jahat.

Walau bagaimanapun, Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad¹ yang menjelaskan pengamal dalam pengubatan tradisional Melayu adalah menerima pengaruh perubatan saka. Sehubungan itu, pengaruh perubatan saka adalah datangnya daripada orang tua dulu-dulu. Hal ini demikian kerana, orang tua dulu-dulu adalah dipercayai mengamalkan amalan pendinding diri dengan memelihara saka seperti pelesit. Justeru perbuatan sedemikian adalah dianggap syirik kepada Allah S.W.T.

Manakala Mohd. Taib Osman (1983) menyatakan, selalunya ahli ulamak Islam akan menolak amalan pengubatan tradisional Melayu terutamanya bomoh, dukun, tabib atau pawang yang selalu berdamping dengan alam ghaib daripada keturunan nenek moyang mereka. Hal ini kerana amalan perbuatan berkenaan adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam dan menghalang kemajuan umat Islam itu sendiri.

Walau bagaimanapun, agama Islam juga tidak begitu menggalakkan pesakit yang dalam keadaan sakit teruk dan membiarkan penyakit yang ditanggung berlarutan tanpa mempedulikan pengambilan ubat dan rawatan sehingga boleh memudaratkan kesihatan diri atau pun penyakit yang ditanggung oleh seseorang itu boleh menjejaskan kesihatan orang lain. Hal ini demikian kerana, dalam agama Islam beranggapan bahawa pengambilan rawatan perubatan yang sewajarnya semasa tubuh badan dalam keadaan lemah dan sakit adalah merupakan satu tuntutan syariah Islam. Haron Din (2011) yang menyatakan, hakikatnya Allah S.W.T yang menurunkan penyakit dan Allah S.W.T juga yang menciptakan penawar untuk setiap penyakit tersebut. Justeru itu, keadaan pesakit yang menghadapi situasi sakit adalah jangan sesekali berputus asa untuk terus berusaha dan berikhtiar untuk memilih perawat yang benar-benar pakar dalam bidang perubatan sebagai penawar kepada penyakit yang ditanggung tersebut.

Walau bagaimanapun, keengganan pesakit yang menghadapi penyakit teruk untuk segera berubat dan pesakit yang hanya menyerahkan penyakit yang ditanggung kepada Allah S.W.T adalah merupakan satu perbuatan yang tidak betul dan bertentangan dengan prinsip dalam agama Islam. Hal ini adalah kerana, agama Islam itu sendiri adalah memberikan saranan kepada setiap umatnya yang menghadapi keuzuran penyakit supaya segera berikhtiar mencari ubat untuk menyembuhkan penyakit. Haron Din (2011) yang menyatakan, Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya telah memilih ikhtiar untuk mengambil rawatan setiap kali menghadapi keadaan penyakit. Walau bagaimanapun, rawatan yang diterima oleh mereka hanya sekadar untuk berubat dan mereka juga tidak meletakkan keyakinan bahawa Allah S.W.T yang telah memberikan kesembuhan penyakit tersebut.

Selain itu, agama Islam juga adalah lebih suka sekiranya seseorang yang menghadapi situasi sakit untuk berusaha dan berikhtiar mencari ubat yang mempunyai sekung rasi iaitu keserasian antara ubat dengan jenis penyakit. Selain itu juga pesakit perlu memilih pengamal

¹ Temu bual bersama Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad pada 2013 di Kota Bharu: Kelantan.

perubatan yang dianggap orang yang mempunyai kepakaran dalam ilmu perubatan agar bersesuaian dengan penyakit yang ditanggung supaya kembali sembuh dan sihat. Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari (2004) yang menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W adalah dikatakan pernah menjemput dua orang lelaki yang dipercayai adalah perawat yang pakar dalam bidang perubatan bagi mengubati seorang sahabat baginda yang telah sakit. Sehubungan itu, apabila seseorang itu menghadapi situasi sakit maka hendaklah segera pesakit berkenaan memilih pengamal perubatan yang pakar dengan penyakit yang ditanggung supaya penyakit itu sembuh dan kembali sihat.

Selain itu, pesakit yang paling ramai mendapatkan bomoh dalam rawatan pengubatan tradisional ialah orang Melayu. Walau bagaimanapun, pesakit daripada kaum bukan Melayu juga tidak terkecuali untuk mendapatkan perkhidmatan berubat dengan bomoh. Selain itu pesakit wanita dan pesakit kanak-kanak yang bersifat lemah semangat adalah dipercayai paling ramai menemui perawat tradisional. Pesakit yang mendapatkan rawatan pengubatan tradisional Melayu adalah percaya bahawa penyakit yang ditanggung oleh mereka adalah disebabkan oleh gangguan makhluk ghaib atau pun perbuatan sihir orang. Justeru itu berubat dengan perawat tradisional adalah merupakan pilihan utama dalam pencegahan penyakit supaya sakit yang ditanggung oleh mereka adalah sembuh. Hal ini kerana, pesakit beranggapan bahawa perubatan moden dianggap tidak mampu untuk memberi kesembuhan penyakit yang disebabkan oleh gangguan spiritual atau pun perbuatan sihir orang.

Justeru itu, penyakit gangguan spiritual atau pun perbuatan sihir orang yang ditanggung oleh mereka adalah dipercayai berkesan disembuhkan dengan menemui pengamal pengubatan tradisional seperti bomoh, dukun atau pawang yang selalu berdamping dengan alam ghaib. Walau bagaimanapun, para ulamak Islam telah memberikan suatu persepsi yang berlainan berhubung kait dengan penyakit dan perlakuan perawat dalam proses rawatan pengubatan tradisional Melayu dari satu tinjauan agama Islam. Haron Din (2011) menyatakan bahawa setiap umat mestilah meletakkan keyakinan terhadap satu ujian daripada Allah S.W.T dan penyakit berkenaan adalah dipercayai dapat menyucikan manusia daripada dosa-dosa yang lampau.

Selain itu, pengamal pengubatan tradisional yang menggunakan keris sebagai alat pembantu utama dalam ritual pengubatan tradisional Melayu adalah dipercayai mereka telah berdamping dengan makhluk ghaib daripada keturunan terdahulu. Hal ini demikian kerana, keris yang digunakan dalam rawatan pengubatan tradisional Melayu adalah merupakan keris yang berabad lamanya adalah dianggap sebagai barang saka warisan datuk nenek moyang mereka terdahulu. Justeru itu, setiap amalan pengamal pengubatan tradisional Melayu yang berdamping dengan makhluk ghaib dan meletakkan keris pada kedudukan yang tertinggi dalam konteks pengubatan tradisional Melayu dari segi agama Islam adalah merupakan suatu amalan yang boleh membawa terpesongnya iktikad, merosakkan akidah dan menyebabkan seseorang itu adalah syirik kepada Allah S.W.T. Justeru itu, apabila keadaan ini berlaku ia telah menyebabkan pengamal pengubatan tradisional Melayu adalah sebagai orang yang sentiasa berdamping dengan keris dalam pengubatan tradisional Melayu adalah dipercayai telah melakukan perbuatan syirik kepada Allah S.W.T.

Menurut Rosmawati Ali @ Mat Zin (2010) yang menjelaskan syirik merupakan perkara yang bertentangan dengan konsep tauhid iaitu tentang keesaan Allah S.W.T. Sehubungan itu, syirik ialah seseorang telah menyamakan sesuatu yang lain dengan Allah S.W.T sama ada dari sudut zat, sifat dan perbuatan. Selain itu, syirik merupakan perbuatan yang

menyekutukan Allah S.W.T dengan mempercayai akan kewujudan tuhan selain daripada Allah S.W.T dalam meminta kesembuhan penyakit atau termakbul permintaan mereka.

Selain itu, keris dalam pengubatan tradisional Melayu adalah diamalkan oleh bomoh, dukun atau pawang yang mempunyai keturunan saka pengubatan tradisional. Justeru itu, pengamal pengubatan tradisional Melayu yang berdamping dengan makhluk ghaib yang dianggap sebagai roh nenek moyang mereka. Selain itu, panggilan pengamal pengubatan tradisional Melayu kepada saka yang dipelihara adalah menggunakan nama tempatan atau pun nama keturunan asalnya. Justeru itu, Wan Aminah Haji Abdullah dan Wan Faizah Wan Yusoff (2012) menyatakan, pengamal perubatan Islam telah menyifatkan pengamal yang sentiasa melibatkan diri dengan pemeliharaan saka nenek moyang mereka adalah dianggap sebagai syirik. Hal ini adalah kerana, pengamal pengubatan tradisional Melayu adalah dianggap telah bertuankan dan bergantung kepada kuasa saka dalam membantu menyelesaikan kesulitan hidup berbanding dengan kuasa Allah S.W.T. Begitu juga mengenai teknik rawatan dan penyembuhan penyakit yang dilakukan oleh pengamal pengubatan tradisional yang melibatkan pemujaan kepada makhluk ghaib adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Selain itu, setiap amalan pengamal pengubatan tradisional yang mempercayai bahawa bilah keris mempunyai khadam adalah dianggap telah menyamakan kuasa qudrah Allah S.W.T dengan makhluk-makhluk lain. Hal ini demikian kerana, pengamal pengubatan tradisional dikatakan telah meletakkan keris sebagai alat yang dipercayai sebagai tempat mereka untuk meminta dimakbulkan hajat dan meminta supaya menyembuhkan penyakit dalam pengubatan tradisional. Menurut Zaabar Yusof (1999) yang menyatakan bahawa Islam telah meletakkan senjata keris itu sebagai suatu perkara yang penting dalam kehidupan manusia khususnya keris dalam konteks ilmu mempertahankan diri. Malahan amalan mempelajari kemahiran bermain senjata keris ialah fardhu kifayah. Walau bagaimanapun, sekiranya pengamal pengubatan tradisional telah melakukan ritual pemujaan keris, ritual berjamu keris dengan pembakaran asap kemenyan dan meletakkan martabat keris pada hierarki tertinggi dalam upacara yang diadakan adalah perkara yang bertentangan dengan agama Islam.

Selain itu, kebiasaannya pengamal keris dalam pengubatan tradisional Melayu adalah lelaki dan perempuan. Mereka dikatakan menyediakan perkhidmatan rawatan pengubatan di rumah pengamal sendiri tanpa mengambil kira kepentingan jantina, usia atau status pesakit yang menghadapi situasi sakit. Selain itu, penglibatan wanita sebagai pengamal pengubatan tradisional dianggap muncul di zaman sebelum Islam lagi. Justeru itu, penglibatan wanita tersebut telah diperkembangkan pula setelah kedatangan agama Islam sehingga muncul wanita sebagai perawat terkemuka didunia. Menurut Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari (2004:55) yang menjelaskan, Aisyah (r.a) dikatakan bahawa seorang wanita yang pakar dalam bidang rawatan perubatan. Justeru itu, penglibatan perawat wanita kini dalam bidang kebidanan dan perubatan tradisional Melayu adalah merupakan kesinambungan generasi terdahulu dalam usaha mereka membantu pesakit terutamanya pesakit wanita supaya sakit yang ditanggung adalah kembali sihat dan baik pulih keadaan sakit seperti sedia kala.

Walaupun bagaimanapun adalah tidak membataskan pesakit yang dalam keadaan darurat untuk menemui perawat dan mendapatkan rawatan penyembuhan penyakit. Walaupun pada dasarnya syariat Islam tidak menggalakkan wanita untuk mendedahkan aurat pada lelaki. Malahan dalam agama Islam adalah sepatutnya perawat wanita Islam mestilah merawat pesakit wanita. Sementara itu, pesakit lelaki pula adalah dirawat oleh perawat lelaki. Justeru itu, pesakit yang dalam keadaan darurat mestilah diberikan keutamaan pertolongan supaya penyakit yang

ditanggung adalah kembali sihat. Justeru itu, pesakit mestilah meletakkan keyakinan bahawa berubat dengan perawat yang berlainan jantina adalah untuk keperluan darurat sewaktu menghadapi keuzuran sakit supaya penyakit yang ditanggung oleh pesakit adalah sembuh dan sihat. Sementara itu, perawat yang dalam situasi darurat mestilah menjalankan tanggungjawabnya berdasarkan kepada ilmu yang dimilikinya untuk menolong mengubati penyakit. Meskipun rawatan tradisional adalah dibenarkan dalam Islam jika keadaan darurat namun begitu perawat yang memberikan rawatan ke atas pesakit pada waktu darurat berkenaan hendaklah menjaga batas pergaulan dan jangan membawa kemudaratan sama ada kepada perawat itu sendiri, maruah pesakit atau pun masyarakat sekitarnya.

Justeru itu, Zizi Azlinda Mohd. Yusoff (1999) menyatakan apabila terdapat perawat wanita Islam maka perawat wanita yang wajib merawat keadaan pesakit wanita berkenaan. Sebaliknya pula, sekiranya tiada perawat wanita Islam maka mestilah doktor wanita yang bukan Islam merawat keadaan pesakit wanita itu. Namun begitu, jikalau pada ketika itu ketiadaan perawat wanita yang bukan Islam maka dibolehkan perawat lelaki Islam untuk memberikan rawatan kepada pesakit wanita Islam. Jika ketiadaan perawat lelaki Islam barulah dibolehkan doktor lelaki bukan Islam untuk merawat keadaan pesakit wanita Islam itu. Disamping itu, apabila perawat lelaki yang terpaksa merawat pesakit wanita dalam situasi yang tidak dapat dielakkan ia dibolehkan merawat dengan syarat perawat lelaki hanya melihat bahagian badan wanita itu untuk menentukan penyakitnya dan proses rawatannya.

Selain itu, Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad² yang menjelaskan bahawa pesakit perempuan boleh dirawat oleh perawat lelaki akan tetapi mestilah dalam keadaan menutup aurat. Sekiranya ada perawat perempuan pada ketika itu mestilah mendahulukan perawat perempuan untuk memberikan rawatan ke atas pesakit perempuan. Walau bagaimanapun, akan tetapi sekiranya tiada perawat perempuan pada hari berkenaan, maka boleh perawat lelaki untuk memberikan rawatan perubatan ke atas pesakit perempuan namun, dalam bab darurat. Justeru itu, darurat yang berlandaskan syarak Islam ialah pesakit lelaki mestilah dirawat oleh perawat lelaki. Manakala pesakit perempuan mestilah dirawat oleh perawat perempuan. Namun begitu, sekiranya tiada perawat perempuan untuk merawat pesakit perempuan berkenaan haruslah pilih perawat lelaki untuk memberikan rawatan perubatan ke atas pesakit perempuan tersebut yang dalam keadaan darurat. Namun begitu, sekiranya pesakit perempuan yang dirawat oleh perawat lelaki yang dalam keadaan darurat mestilah menutup aurat dan hendaklah ditemani oleh orang tengah sama ada suami, ibu bapa atau pun ahli keluarga perempuan berkenaan. Selain itu, perawat lelaki hanya boleh melihat anggota tubuh badan pesakit perempuan hanya sekadar merawat pada bahagian yang mustahak sahaja dalam bab darurat tersebut.

Selain itu, doa merupakan salah satu penawar kesembuhan penyakit gangguan spiritual mahu pun jasmani dalam pengubatan tradisional Melayu. Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali (2010) yang menyatakan bahawa doa merupakan pengakuan kehambaan, kehinaan atau pun kefakiran dan amalan berdoa ialah suatu ibadah. Justeru itu, apabila seseorang itu menghadapi kesulitan hidup adalah disarankan agar terus berdoa. Hal ini adalah kerana amalan berdoa adalah merupakan pengubatan jasmani yang dapat membantu menguatkan jiwa dan perasaan.

Selain itu, doa atau jampi mantera adalah dipercayai begitu akrab dengan amalan perawat dalam rawatan perubatan tradisional Melayu. Hal ini adalah demikian kerana, jampi mantera

² Temu bual bersama Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad pada 2013 di Kota Bharu, Kelantan.

adalah merupakan pengucapan doa seseorang untuk mendekatkan dirinya dengan alam ghaib tertinggi. Lebih-lebih lagi apabila seseorang itu dipercayai kuat beramal, berpuasa, bertapa maka dianggap doanya adalah lebih cepat termakbul dalam ritual tertentu. Mohd. Taib Osman (1983) yang menyatakan, jampi mantera yang diserapkan dalam amalan rawatan perubatan tradisional orang Melayu adalah dianggap sebagai tidak sesuai dengan peradaban Islam.

Disamping itu, setiap amalan doa atau jampi mantera yang sering kali dipraktikkan oleh perawat dalam rawatan perubatan tradisional Melayu adalah memperlihatkan amalan bacaan yang mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan agama Islam sama ada dari segi perkataan tertentu yang dipercayai adalah menimbulkan kekeliruan apabila ia diperdengarkan di hadapan khalayak iaitu dari segi bahasa, sebutan yang dianggap adalah kurang jelas dan tidak difahami akan maksudnya serta mencampur adukkan kepercayaan animisme, Hindu, Buddha dan puji-pujian kepada Allah S.W.T dengan makhluk-makhluk ghaib lain yang diseru.

Selain itu, kebiasaannya amalan doa oleh perawat dalam rawatan perubatan tradisional adalah dimulai dengan bacaan *Bismillahirrahman nirahim* dan diakhiri dengan *Berkat Laillahailah Muhammadar Rasulullah* adalah dibimbangi doa berkenaan adalah mengandungi amalan sihir atau pun kufur kepada Allah S.W.T. Abdul Basir Mohammed (1999) yang menyatakan bahawa, jampi mantera yang tidak digalakkan untuk diguna pakai dalam rawatan perubatan tradisional ialah terkandung dalamnya adalah suatu bentuk permohonan doa seseorang kepada yang lain selain daripada Allah S.W.T. Sebaliknya pula sekiranya jampi mantera berkenaan tidak mempunyai ciri-ciri yang sedemikian rupa maka adalah masih dibenarkan untuk diguna pakai oleh perawat asalkan doa dengan menggunakan ayat al-Quran dan Hadis.

Manakala Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad³ yang menjelaskan bahawa bacaan jampi mantera yang dalam amalan pengamal pengubatan tradisional yang berpegang pada amalan syirik adalah hukumnya haram. Justeru bacaan doa yang dibenarkan dalam Islam ialah berdasarkan al-Quran dan hadis. Hal ini demikian kerana, yang mencipta segalanya ialah Allah S.W.T jadi, tiada sebab seseorang itu perlu bergantung kepada benda lain selain daripada Allah S.W.T. Oleh itu, amalan seseorang itu mestilah berpegang kepada Allah S.W.T dan hanya berdoa dengan meminta kepada Allah S.W.T sahaja.

Selain itu, Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali (2010) yang menyatakan bahawa dalam agama Islam adalah turut menggesa orang Islam supaya mengamalkan doa dan berdoa memohon sesuatu kepada Allah S.W.T kerana Allah S.W.T adalah merupakan tempat untuk mereka memohon dan meminta sesuatu hanyalah bersandarkan kepada Allah S.W.T sahaja. Selain itu, bagi menjadikan doa berkenaan segera diterima dan dimakbulkan permintaan oleh Allah S.W.T supaya dijauhi penyakit, gangguan spiritual, sihir dan buatan orang maka ia hendaklah mengamalkan doa dengan memilih pada waktu-waktu yang baik seperti pada hari Arafah, bulan Ramadhan, hari Jumaat dan waktu Sahur. Selain itu waktu yang paling baik untuk berdoa ialah sewaktu dalam keadaan sujud kerana pada masa sujudlah seseorang hamba itu dalam keadaan rendah hati, ikhlas dengan nada suara yang lembut kepada Allah S.W.T.

³ Temu bual bersama Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad pada 2013 di Kota Bharu, Kelantan.

Selain itu, kebiasaannya amalan doa yang dilakukan oleh pengamal keris dalam rawatan pengubatan tradisional Melayu adalah diadakan pada waktu malam yang dipercayai lebih mujarab dan segera termakbul doa berkenaan untuk kesembuhan penyakit. Hal ini adalah kerana, waktu berkenaan adalah makhluk ghaib sedang berkeliaran. Disamping itu, kebiasaannya dalam doa perawat ialah menyeru, memanggil dan membangkitkan semula nama seseorang yang dianggap sebagai keramat atau nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia supaya turut serta turut serta untuk membantu pengamal yang menghadapi kesulitan hidup pada ketika itu. Sehubungan itu, sekiranya jampi mantera yang digunakan oleh pengamal dalam pengubatan tradisional Melayu adalah mempunyai seruan sedemikian yang dianggap dapat menduakan Allah S.W.T dengan makhluk lain ia adalah merupakan satu perbuatan syirik kerana seseorang itu dianggap telah mempercayai sesuatu perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Selain itu, menyakini kuasa luar biasa dan kesaktian yang terkandung dalam jampi mantera sebagai alat mengusir makhluk ghaib dan menyembuhkan penyakit dianggap seseorang itu telah menyekutukan Allah S.W.T. Hal ini adalah demikian kerana, apabila seseorang itu meletakkan jampi mantera pada hierarki tinggi dan berbangga bahawa jampi mantera berkenaan mempunyai kuasa sakti memulihkan semangat, membuang penyakit dan memberi kesembuhan penyakit adalah agama Islam tidak begitu menggalakkan penggunaan jampi mantera yang sedemikian. Hal ini demikian kerana ia dibimbangi akan dapat memesongkan akidah seseorang dengan ajaran agama Islam.

Ini adalah berikutan kerana, agama Islam beranggapan bahawa jampi mantera dalam pengubatan tradisional Melayu ialah kalimah-kalimah atau ayat-ayat yang diilhamkan sewaktu pengamal pengubatan tradisional mengalami situasi menurun mengikut resapan, bisikan dan suara yang tidak diketahui dari mana arah datangnya adalah perkara yang bertentangan dengan agama Islam. Selain itu, seseorang yang percaya akan kesembuhan penyakit kerana kuasa ubat yang diberikan adalah pertolongan daripada makhluk ghaib yang meresap dalam tubuh badannya adalah dianggap dirinya telah beriman dan tunduk serta sujud kepada makhluk ghaib tersebut. Haron Din (2011) yang menyatakan bahawa jampi mantera sebenarnya adalah bukanlah ubat yang menyembuhkan penyakit akan tetapi kesembuhan ialah milik hakiki Allah S.W.T dan ubat atau pun doa yang digunakan dalam rawatan hanyalah sebagai wasilah (hubungan) bagi mendapatkan kesembuhan daripada Allah S.W.T. Oleh itu, jampi mantera yang dibenarkan penggunaannya dalam rawatan pengubatan tradisional Melayu menurut syariat Islam jampi mantera yang berbentuk doa kepada Allah S.W.T sahaja dan bukannya meminta kepada kuasa yang lain selain daripada Allah S.W.T.

Disamping itu, amalan meniup doa adalah begitu banyak dipraktikkan oleh pengamal dalam upacara rawatan pengubatan tradisional Melayu. Hal ini demikian kerana, amalan meniup doa pada keris adalah dipercayai oleh pengamal dapat menambahkan lagi bisa kesaktian keris dalam rawatan penyembuhan penyakit. Selain itu, amalan meniup doa pada pesakit adalah dipercayai mempunyai kuasa sakti untuk mengusir makhluk ghaib jahat dan membuang sial pada tubuh badan pesakit. Abdul Basir Mohammed (1999) yang menyatakan bahawa, doa yang dibenarkan dalam agama Islam adalah bersumberkan al-Quran. Justeru itu doa sedemikian adalah dipercayai mampu menghalang gangguan makhluk halus yang dianggap akan hilang daripada terus menumpang kerana ia tidak tahan dengan kepanasan pada ayat-ayat al-Quran yang telah dibacakan oleh pengamal di hadapan pesakit dalam upacara rawatan pengubatan tradisional Melayu.

Selain itu, mempercayai amalan meniup doa pada air yang tidak dimasak yang telah direndamkan dengan mata keris adalah dianggap mustajab untuk menyembuhkan penyakit gangguan makhluk halus jahat setelah pesakit minum, mandi dan disapukan pada anggota tubuh badan yang sakit. Haron Din (2011) yang menyatakan seseorang telah menemui perawat dan meminta pertolongan perawat. Pada masa yang sama mereka menggunakan ubat yang dihembuskan doa oleh pengamal pengubatan tradisional sama ada makan, minum atau pun disapu pada bahagian luaran tubuh badan pesakit adalah dipercayai ubat berkenaan adalah datangnya dari sumber amalan sihir dalam perubatan tradisional Melayu. Hakikatnya amalan sedemikian adalah tidak digalakkan dalam Islam. Setiap amalan meniup doa pada ubat berkenaan dan mempercayai kuasa sakti doa yang dapat memakbulkan hajat, memberi kesembuhan penyakit, kesaktian adalah dianggap sebagai amalan bidaah dan khurafat orang Melayu yang telah bertentangan dengan agama Islam. Hal ini adalah kerana, doa yang dibenarkan dalam rawatan Islam ialah merangkumi ayat-ayat yang menyebut Allah S.W.T dan zikir tertentu yang berlandaskan al-Quran dan Hadis.

Selain itu, amalan pengamal pengubatan tradisional Melayu yang meniup doa sambil berdamping dengan makhluk ghaib dan terdapat seruan nama-nama tertentu seperti dewa, jin. Seruan dalam doa sedemikian adalah menunjukkan perlakuan seseorang itu adalah telah tunduk dan mempercayai bahawa makhluk ghaib selain daripada Allah S.W.T adalah bertentangan dengan agama Islam dan syirik. Menurut H. Syukriadi dan Tata Sukayat (2008) yang menyatakan bahawa seseorang yang menghadapi kesulitan hidup adalah perlu berdoa secara langsung kepada Allah dengan bersandarkan ayat al-Quran dan hadis. Walau bagaimanapun, agama Islam juga beranggapan bahawa doa yang berbentuk pemakaian wasilah iaitu melibatkan perantaraan manusia dengan orang yang sudah meninggal dunia dalam meminta sesuatu hajat adalah perbuatan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Disamping itu Mohd. Taib Osman (1983) yang menyatakan bahawa agama Islam turut memberikan saranan kepada umatnya dalam penjagaan kesihatan tubuh badan supaya sentiasa sihat dan dijauhi dengan gangguan sihir atau makhluk ghaib ialah seseorang hendaklah sentiasa mengamalkan amalan membaca dan mendengar ayat-ayat al-Quran al-Karim dan merenung makna-makna, kisah-kisah yang terkandung didalamnya agar beroleh kesihatan yang baik dan diberikan ketenangan serta keharmonian jiwa kerana sentiasa mendekati diri kepada Allah S.W.T. Selain itu, seseorang hendaklah meminta pertolongan melalui berdoa kepada Allah S.W.T agar diberikan kesihatan dan menjauhi penyakit yang tidak diingini.

Selain itu satu perbuatan yang amat dibimbangkan dalam amalan rawatan pengubatan tradisional Melayu ialah amalan pengamal yang terlalu mengagungkan keris lama dan memperakui akan kehebatan, keistimewaan serta sifat luar biasa yang ada pada keris yang dipercayai adalah sebagai alat pembantu ritual kepada pengamal dalam rawatan pengubatan tradisional. Justeru itu keris berkenaan adalah berkeupayaan untuk menangkap makhluk ghaib dan mujarab dalam penyembuhan penyakit gangguan spiritual. Hakikatnya mereka lupa bahawa keris ialah benda yang sama dengan makhluk-makhluk lain yang diciptakan oleh Allah S.W.T. Secara realitinya tiada apa-apa kuasa yang ada pada keris berkenaan tersebut.

Selain itu Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad⁴ kepercayaan dalam konteks Islam adalah merangkumi kepercayaan terhadap kewujudan makhluk ciptaan Allah S.W.T. Namun yang dilarang dalam Islam adalah seseorang yang mempercayai akan penciptaan Allah S.W.T berkenaan pada masa yang sama menggunakannya untuk tujuan tertentu pada jalan yang salah. Misalnya seseorang mempercayai adanya kuasa dalam keris. Hal ini adalah demikian kerana, kuasa dalam keris kerana adanya jin yang menjadikan seseorang itu kebal dan tidak lut ditikam. Walau bagaimanapun, amalan yang dilarang dalam Islam ialah apabila seseorang mempercayai kuasa keris dan pada masa yang sama menggunakan keris berkenaan untuk mengambil khasiatnya adalah dilarang dalam Islam.

Justeru itu, keris merupakan senjata tajam yang berbentuk lok atau pun lurus yang dihasilkan daripada campuran bahan besi bermutu oleh pandai besi bertauliah. Walau bagaimanapun, keris akan mendatangkan kesan baik dan kesan buruk setelah dibacakan jampi mantera oleh pengamal pengubatan tradisional dalam ritual tertentu. Justeru itu, keupayaan keris yang diiringi bacaan jampi mantera didapati keupayaan keris bergerak mengikut arahan pengamal pengubatan tradisional adalah hanya digerakkan oleh kuasa tertentu dan ianya berlaku setelah mendapat keberkatan dan keizinan daripada Allah S.W.T sahaja. Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari (2004) yang menyatakan bahawa pada hakikatnya seseorang itu seharusnya meletakkan keyakinan bahawa setiap kejadian yang berlaku dalam kehidupan mereka sama ada termakbul doa yang diminta dan diberi kesihatan yang baik bukanlah datangnya dari kuasa benda yang dikeramatkan mahu pun kuasa benda yang dipuja dalam ritual tertentu. Sebaliknya setiap perkara yang berlaku adalah tertakluk dengan keizinan dan kekuasaan Allah S.W.T.

Selain itu, setiap amalan pengamal dalam rawatan pengubatan tradisional Melayu telah menunjukkan jaringan hubungan akrab pengamal yang mendalami ilmu kebatinan tinggi berdamping dengan keris dan makhluk ghaib lain seperti jin, dewa dalam usaha membuang penyakit, memulihkan semangat dan menyembuhkan penyakit angkara perbuatan makhluk ghaib jahat. Walau bagaimanapun, angkatan kerjasama antara pengamal pengubatan tradisional dan makhluk ghaib selain Allah S.W.T adalah tidak digalakkan dalam Islam kerana makhluk ghaib sama ada jin, syaitan, iblis adalah sememangnya diketahui musuh manusia yang nyata yang ingin memesongkan akidah manusia. Oleh itu, agama Islam adalah lebih suka melihat seseorang itu mendekati diri mereka kepada Allah S.W.T dengan cara berdoa dan meminta kepada Allah S.W.T.

Selain itu, Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad⁵ hukum seseorang berubat dengan pengamal pengubatan tradisional yang berdamping dengan jin adalah dilarang dalam Islam dan bercanggah dengan sunnah Rasulullah S.A.W. Maka dengan itu, seseorang mestilah berubat dengan perkara yang diizinkan dalam syarak Allah S.W.T. Hal ini demikian kerana, sememangnya jin, iblis adalah suka menyesatkan manusia. Oleh itu, seseorang itu mestilah memperbanyakkan amalan berzikir, mengaji al-Quran, bacaan al-fatihah dan ayat Kursi supaya dijauhi gangguan iblis, jin tersebut. Disamping itu juga, apabila seseorang yang dalam keadaan sakit mestilah berdoa kepada Allah S.W.T. Hal ini adalah kerana, hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat menyembuhkan penyakit tersebut.

Menurut Amran Kasimin (1998: 47) sesungguhnya Allah S.W.T selalu memberikan peringatan supaya manusia sentiasa menjauhkan diri menghampiri makhluk ghaib seperti jin, iblis berkenaan, walau dalam keadaan mana sekali pun manusia adalah disarankan supaya

⁴ Temu bual bersama Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad pada 2013 di Kota Bharu, Kelantan.

⁵ Temu bual bersama Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad pada 2013 di Kota Bharu, Kelantan.

jangan mudah terpedaya dengan makhluk ghaib tersebut. Hal ini demikian kerana, makhluk ghaib ini pada lahirnya adalah dipercayai akan datang mendekati seseorang dalam jelmaan tertentu dan menawarkan perkhidmatan untuk membantu seseorang sama ada dalam rawatan, menghadapi kesulitan, kesusahan dan menyelesaikan permasalahan kehidupan manusia dengan pelbagai nama atau pun panggilan menarik yang dijelmakan oleh makhluk ghaib berkenaan sebagai suatu tipu muslihat makhluk ghaib tersebut yang dianggap sebagai bijak dalam menggelincirkan keimanan manusia dan menyesatkan seseorang daripada mentaati akan perintah Allah S.W.T.

Manakala Mohd. Hazim Shah Abdul Murad (2009) rawatan dalam pengubatan tradisional Melayu yang bersumberkan al-Quran adalah dianggap sebagai penawar mujarab untuk menyembuhkan bermacam jenis penyakit yang ditanggung oleh pesakit. Namun berbeza dalam rawatan pengubatan tradisional yang telah memohon kebergantungan kepada makhluk lain selain daripada Allah S.W.T dalam meminta kesembuhan penyakit. Hakikatnya adalah berubat dengan perawat yang berdamping dengan makhluk ghaib adalah bukanlah mendatangkan kesembuhan yang sejati pada diri pesakit akan tetapi ia akan mengulangi penyakit tersebut. Kebiasaannya adalah terjadi dalam rawatan pengubatan tradisional ialah pesakit yang alpa untuk membayar pengeras atau pun mematikan rawatan bersama pengamal pengubatan tradisional yang menyebabkan makhluk ghaib jahat datang menyerang pesakit semula.

Menurut Abdul Basir Mohammed (1999) penyakit yang diubati oleh pengamal pengubatan tradisional Melayu adalah mengalami kesembuhan untuk beberapa ketika sahaja akan tetapi setelah pesakit alpa dengan kesembuhan penyakit yang dialami akan mengakibatkan pesakit akan datang kembali merujuk semula kepada perawat dan meminta perawat untuk mengubati penyakit berkenaan dengan bayaran tertentu. Keadaan ini adalah berlaku kerana, manusia telah tunduk dan menjadi hamba kepada makhluk ghaib tersebut. Hakikatnya adalah sekiranya seseorang itu memohon kesembuhan penyakit kepada Allah S.W.T adalah sudah pasti bahawa kesembuhan penyakit itu merupakan kesembuhan yang bersifat sempurna kerana tiada lagi kuasa yang boleh menyembuhkan penyakit selain daripada kuasa Allah S.W.T.

Oleh itu, ayat-ayat al-Quran itu sendiri adalah dipercayai mempunyai kuasa yang boleh mengubati penyakit zahir dan batiniah. Malahan ayat al-Quran juga merupakan ubat yang paling mujarab untuk membantu seseorang setiap kali berhadapan dengan musuh sama ada manusia, binatang buas mahu pun ghaib. Justeru itu, kuasa yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran adalah dianggap berkesan dalam memberi kesembuhan penyakit sekiranya ayat-ayat al-Quran itu dipratikkan dalam amalan seharian. Selain itu juga, sekiranya umat Islam berpegang teguh terhadap ajaran Islam sepenuhnya dalam kehidupan mereka maka sudah pasti ia akan dapat menjauhi seseorang daripada segala macam penyakit.

Selain itu, setiap penyakit juga pastinya diperturunkan petua atau pun pantang larang yang merupakan warisan generasi terdahulu yang dipratikkan dalam amalan perubatan tradisional kini. Walaupun begitu, terdapat amalan pantang larang dalam pengubatan tradisional Melayu yang dipercayai bertentangan dengan agama Islam. Perawat tradisional yang berdamping dengan makhluk ghaib adalah dikatakan mestilah mematuhi larangan warisan nenek moyang mereka. Pematuhan larangan oleh perawat adalah bertujuan supaya berkesan rawatan menyembuhkan suatu penyakit dan dijauhi musibah serta bala yang tidak diingini. Manakala pesakit pula mematuhi larangan yang diberikan perawat agar dijauhi penyakit yang sama daripada berulang dan sembuh penyakit tersebut.

Justeru itu, perawat dalam pengubatan tradisional yang berdamping dengan makhluk ghaib adalah dipercayai mengadakan ritual pemujaan dan ritual berjamu mengikut upacara tertentu dengan pembakaran asap kemenyan. Selain itu, keris juga dicuci, dibersihkan dan dijaga secara baik supaya ia tidak mudah untuk berkarat, bertahan lama dan memelihara keutuhan hubungan perawat dengan waris keturunan mereka. Selain itu juga, keris turut dipuja dengan pemakaian kain daripada warna tertentu dalam ritual misalnya warna kuning, warna merah, warna putih atau warna hitam yang dipercayai sebagai warna kesukaan makhluk ghaib dan dipercayai semangat luar akan meresap pada keris berkenaan. Justeru itu, pegangan amalan warisan lama adalah dilihat perawat dalam pengubatan tradisional Melayu terlalu mengagungkan kuasa makhluk lain selain daripada Allah S.W.T dengan cara perawat berdamping, memuja, makhluk ghaib dipelihara sebagai sahabat sehingga pada masa tertentu mereka dianggap hilang pertimbangan untuk memperakui akan kebesaran dan kekuasaan Allah S.W.T. Justeru itu, setiap amalan perawat sedemikian adalah dipercayai adalah terkeluar daripada landasan Islam dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Selain itu, pesakit yang telah menerima rawatan dalam pengubatan tradisional Melayu mestilah mematuhi larangan tertentu supaya penyakit yang dirawat adalah benar-benar sembuh. Larangan berkenaan juga adalah merangkumi pemakanan, perlakuan dan percakapan supaya pesakit yang hendak pulih akan dikuatkan semangat dan sembuh penyakit. Menurut Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari (2004) menyatakan bahawa dalam agama Islam juga terdapat larangan yang dikenakan terhadap pesakit sewaktu sakit yang bertujuan untuk menjaga kesihatan dari dihindangi penyakit. Selain itu, agama Islam juga turut mengharamkan berbagai jenis makanan yang dipercayai sebagai makanan yang boleh merosakkan pengambilannya seperti bangkai, darah dan setiap bahan makanan yang dianggap boleh memudaratkan kesihatan tubuh badan. Malahan sewaktu tubuh badan dalam keadaan sakit, agama Islam juga tidak begitu menggalakkan seseorang yang dalam keadaan sakit untuk mengambil berbagai jenis makanan yang dianggap boleh merosakkan akal dan tubuh badannya.

Selain itu, agama Islam turut menggubal satu prinsip umum sebagai asas dalam rawatan penjagaan demi kebaikan kesihatan tubuh badan manusia supaya tidak didatangi penyakit dengan mengawal pengambilan makanan dan minuman secara berlebihan. Terutamanya menitikberatkan penjagaan kesihatan sewaktu diri dalam keadaan sakit kerana pengambilan makanan secara berlebihan adalah dipercayai boleh mendatangkan kesan keburukan terhadap tubuh badan, merosakkan perut atau pun menjejaskan tubuh badan dan melambatkan kesembuhan penyakit. Basri Ibrahim al-Hasani al-azhari (2004) yang menyatakan bahawa dalam agama Islam turut memberi saranan sekiranya seseorang menghadapi situasi sakit dan pada masa yang sama pesakit berkenaan mempunyai rasa keinginan terhadap makanan tertentu sewaktu tubuh badannya dalam keadaan berpantang sakit adalah boleh diberikan sedikit makanan berkenaan kepada pesakit berkenaan untuk menjamahnya.

Walau bagaimanapun, rawatan menggunakan keris dalam pengubatan tradisional Melayu ialah makanan sebagai larangan yang paling ketat yang mesti dipatuhi selain daripada larangan perlakuan dan percakapan kepada pesakit. Justeru itu, pesakit mestilah menjauhi dirinya daripada menjamah makanan yang dikategori sebagai panas, sejuk, diingin dalam tempoh tertentu kerana ia dibimbangi akan menimbulkan kemarahan makhluk ghaib, penyakit lambat sembuh dan bertambah teruk. Pesakit yang tidak mematuhi setiap larangan dalam rawatan pengubatan tradisional Melayu adalah dipercayai telah melanggar sebahagian daripada adat dan kepercayaan silam warisan nenek moyang mereka. Hal ini demikian

kerana, pegangan orang Melayu iaitu biar mati anak jangan mati adat yang telah menjadi pegangan kuat untuk mereka mempertahankan warisan nenek moyang terdahulu hingga kini.

Rumusan

Kepercayaan orang Melayu terhadap keupayaan bomoh, dukun, tabib atau pawang dalam pengubatan tradisional Melayu untuk merawat, memulih dan menyembuhkan penyakit akibat gangguan makhluk ghaib jahat bukanlah sesuatu yang baru dalam kehidupan mereka. Ini adalah kerana rawatan pengubatan tradisional Melayu telah pun diamalkan dalam kehidupan mereka semenjak warisan nenek moyang turun temurun dan kini.

Walau bagaimanapun, agama Islam beranggapan pengambilan rawatan dalam perubatan yang sewajarnya ketika tubuh badan dalam keadaan tidak bermaya, lemah dan sakit teruk merupakan satu tuntutan syariah Islam. Justeru itu, hakikatnya Allah S.W.T yang menurunkan penyakit dan Allah S.W.T juga yang menciptakan penawar untuk bagi setiap penyakit tersebut. Justeru itu, pesakit yang menghadapi situasi sakit adalah jangan sesekali berputus asa untuk terus berusaha dan berikhtiar bagi memilih perawat yang benar-benar pakar dalam bidang perubatan sebagai penawar kepada kesembuhan penyakit dan kembali sihat.

Rujukan

- Abdul Basir Mohammed. 1999. *Amalan Sihir dan Ayat-Ayat Al-Quran Perbezaannya serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Amran Kasimin. 1989. *Tanya jawab agama Mingguan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Amran Kasimin. 1998. Ilham: satu aspek perubatan Melayu tradisional. *Jurnal Sari* 2(1): 131-142.
- Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari. 2004. *Rawatan dalam Islam Satu Perbincangan tentang Kepentingan, Hukum dan Beberapa Rawatan Semasa*. Johor: Penerbit Perniagaan Jahabersa.
- Haron Din. 2011. *Rawatan Penyakit Rohani*. Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussiyafa' Berhad.
- H. Syukriadi & Tata Sukayat. 2008. *Kuntum Doa*. Kuala Lumpur: Pts Millenia Sdn. Bhd.
- Jawiah Dakir & Wan Awang Wan Ali. 2010. *Sunnah dan bidaah dalam amalan orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Hazim Shah Abdul Murad. 2009. *Sains, Agama dan Budaya di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosmawati Ali@ Mat Zin. 2010. *Syirik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahrur Yub. 1967. *Senjata-Senjata Pesaka Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir. 1993. *Perspektif sosio budaya Melayu*. Kota Bharu dan Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Aminah Haji Abdullah & Wan Faizah Wan Yusoff. 2012. Penyakit saka sebagai *culture-bound* (cbs) dalam masyarakat Melayu di Kelantan, Malaysia: kepelbagaian rawatan alternatif. *Jurnal Sosiohumanika* 5(1): 135-146.
- Zaabar Yusof. 1999. Keris darjat dan kudrat keris status dan power. *Dlm. Keris dalam Perspektif Islam*. Hlm. 37-44. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Zizi Azlinda Mohd. Yusoff. 1999. Berbidan dengan doktor lelaki. *Majalah Solusi*: 90-91.

Nama responden yang ditemubual

Nama : Nik Abdul Kadir Haji Nik Muhamad.

Alamat : Kota Bharu, Kelantan